



LAPORAN TAHUNAN

20 24



**LAPORAN
TAHUNAN
20
24**



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), D.K. (Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.**

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

KANDUNGAN

- 03 — Perutusan Pengerusi
- 05 — Kata-kata Aluan Ketua Pegawai Eksekutif

MAKLUMAT KORPORAT

- 09 — Latar Belakang
- 10 — Visi, Misi, Moto dan Objektif
- 11 — Nilai-nilai Bersama W.A.K.A.F.
- 12 — Struktur Organisasi
- 13 — Ahli Lembaga Pengarah Sesi 2023-2025
- 14 — Ahli Jawatankuasa Tetap Sesi 2023-2025

SELAYANG PANDANG 2024

Hartanah Wakaf

- 18 — Pendaftaran Hartanah
- 19 — Sewaan Hartanah
- 21 — Pembangunan Hartanah

Tunai Wakaf

- 22 — Kutipan Tunai Wakaf
- 23 — Agihan Tunai Wakaf
- 24 — Program Kesedaran Wakaf
- 25 — Sumbangan Fisabilillah
- 26 — Projek Wakaf Khas
- 34 — Penerima Sumbangan Fisabilillah

KERJASAMA STRATEGIK

- 40 — Sahabat Korporat
- 41 — Wakaf Selangor Muamalat
- 42 — Kolaborasi Bersama Institusi Pengajian Tinggi

49 — IMBASAN PERISTIWA

71 — RINGKASAN PENYATA KEWANGAN 2024

77 — KEMUDAHAN BERWAKAF

PERUTUSAN PENGERUSI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam. Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas kejayaan penerbitan Laporan Tahunan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) 2024. Laporan ini bukan sekadar himpunan pencapaian tahunan, tetapi merupakan cerminan kepada komitmen, integriti dan daya usaha berterusan PWS dalam mengangkat institusi wakaf sebagai instrumen pembangunan ummah yang lestari dan inklusif. Institusi wakaf lebih daripada sekadar instrumen ekonomi. Ia adalah lambang tanggungjawab bersama dalam membentuk masa depan yang mampan dan berdaya saing. Nilainya terletak pada manfaat berterusan yang membawa kesejahteraan kepada ummah serta kelangsungan generasi akan datang.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah PWS, warga kerja PWS serta rakan-rakan korporat yang telah bersama-sama memberikan sokongan, komitmen dan dedikasi dalam menjayakan agenda pembangunan serta pengurusan wakaf di negeri Selangor. Tidak dilupakan juga kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Kerajaan Negeri Selangor serta para pewakaf dan penyumbang yang terus menyokong perjuangan ini.

PWS terus komited dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memudahkan masyarakat Islam menunaikan amalan ibadah wakaf dengan selamat dan teratur. Kami juga berperanan untuk memelihara harta wakaf agar kekal sebagai milik umat Islam serta memberi manfaat yang berterusan kepada masyarakat. Di samping itu, PWS sentiasa berusaha mengembangkan harta wakaf melalui pengurusan strategik dan pembangunan berimpak tinggi demi memperkukuh ekonomi ummah dan kelestarian institusi wakaf di negeri Selangor.

Saya percaya bahawa potensi wakaf sebagai pemangkin pembangunan ekonomi ummah masih luas dan belum diterokai sepenuhnya. Justeru, saya menyeru agar semua pihak sama ada individu, organisasi mahupun korporat agar bersama-sama menggembelng tenaga, ilmu dan sumber untuk memperkasa institusi wakaf demi kemakmuran umat Islam khususnya di Negeri Selangor.

Akhir kata, marilah kita terus menzahirkan kecintaan kita terhadap agama melalui penglibatan aktif dalam urusan wakaf. Semoga segala usaha kita ini mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT.

**PENGERUSI
PERBADANAN WAKAF SELANGOR**



PENGERUSI

YBHG. DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI MD. YUSOF

D.S.I.S, S.S.A.

KATA-KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah berjaya merealisasikan penerbitan Laporan Tahunan PWS 2024, sekali gus melakar satu lagi perjalanan bermakna dalam usaha memartabatkan amanah wakaf demi kesejahteraan ummah. Sepanjang tahun ini, kita telah melalui sebuah perjalanan yang sarat dengan cabaran dan peluang, yang menguji kekuatan tekad, kesungguhan dan iltizam seluruh warga PWS.

Alhamdulillah, tahun 2024 telah menyaksikan beberapa pencapaian penting yang mencerminkan keberkesanan strategi serta hala tuju PWS dalam memperkasa instrumen wakaf sebagai satu mekanisme pembangunan sosioekonomi yang mampan. Melalui pelbagai inisiatif dan kerjasama strategik, PWS telah berjaya memperluaskan potensi dan manfaat wakaf kepada masyarakat, merentas pelbagai sektor termasuk pendidikan, kesihatan, kebajikan dan ekonomi ummah.

Setiap pencapaian ini tentunya tidak hadir dengan mudah. Di sebalik kejayaan yang dicapai, tersembunyi kisah perjuangan, pengorbanan dan usaha gigih semua pihak yang terlibat. Namun, kesatuan hati, perpaduan fikrah dan semangat yang tidak pernah luntur telah menjadi kunci kepada kejayaan kita bersama.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja PWS yang telah menunjukkan dedikasi, komitmen dan profesionalisme sepanjang tahun ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pewakaf-pewakaf, pihak berkuasa negeri, serta semua rakan strategik atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Semoga usaha kita dalam memartabatkan wakaf sebagai instrumen pembangunan ummah diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN WAKAF SELANGOR**



A stylized, handwritten signature in black ink, consisting of several loops and flourishes, positioned above the printed name.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YBRS. TUAN HAJI ANUAR HAMZAH BIN TOHAR
S.I.S, A.M.S.



Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Surah Ali Imran: 92



MAKLUMAT KORPORAT



LATAR BELAKANG

Setiap perubahan besar dalam sejarah bermula dengan sebuah visi yang jauh ke hadapan. Begitulah juga teretusnya gagasan untuk memperkasa wakaf di Negeri Selangor. Ia lahir daripada iltizam yang tinggi untuk melihat wakaf bukan sekadar simbol ibadah, tetapi sebagai instrumen kekuatan ekonomi ummah.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada Oktober 2009 menjadi detik bersejarah yang mengubah landskap pengurusan wakaf di negeri ini. Titah tersebut membawa harapan besar agar wakaf dapat diurus secara lebih sistematik dan strategik agar dapat memberi impak yang signifikan kepada masyarakat.

Menjunjung titah berkenaan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) sebagai entiti rasmi bagi mentadbir dan mengurus hal ehwal wakaf di negeri ini. Perintah Penubuhan PWS telah diperkenankan oleh DYMM Sultan Selangor pada 11 Januari 2011 dan seterusnya diwartakan secara rasmi pada 3 Februari 2011.

Sejak penubuhannya pada tahun 2011, PWS dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menjalankan urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf di Negeri Selangor. Penubuhan ini diperincikan melalui Perintah Penubuhan PWS 2011 dan (Pindaan) 2012, yang menetapkan tanggungjawab PWS untuk menggalakkan, mendorong, membantu, mengusahakan dan memajukan harta serta produk wakaf mengikut ketetapan Hukum Syarak.

Langkah penubuhan ini merupakan titik tolak kepada usaha memperkasa institusi wakaf agar berperanan lebih besar sebagai pemacu pembangunan ummah, bukan sahaja dari sudut kerohanian, tetapi juga dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial umat Islam di Negeri Selangor.

VISI

Memartabatkan Institusi Wakaf yang unggul berpaksikan Al-Quran, Al-Hadith dan Hukum Syarak.

MISI

Bergerak bersama Ummah melalui pembudayaan berwakaf dalam memangkin pembangunan Islam dari aspek ekonomi dan sosial.

MOTO

“Wakaf Membangunkan Ummah”

OBJEKTIF



Membudayakan dan memudahkan amalan berwakaf secara sistematik dan berkesan melalui kepelbagaian produk wakaf.



Menjamin manfaat berterusan kepada pewakaf dengan:

Memperkasakan pembangunan dan menambah nilai hartanah wakaf;

Meningkatkan dan mengembangkan pelaburan wakaf dalam bidang ekonomi; dan

Merealisasikan pembangunan sosial demi kesejahteraan Ummah.



Menjadikan PWS sebuah Institusi Wakaf yang *sustainable*, dipercayai dan berkesan.

NILAI-NILAI WAKAF

W

WASATIAH

Bersederhana dalam apa jua keadaan.

A

AMANAH

Sentiasa amanah dalam melaksanakan tugas.

K

KUALITI

Menghasilkan pekerja dan mutu kerja yang berkualiti.

A

AKHLAK


Menunjukkan perilaku dan akhlak terpuji.

F

FISABILILLAH

Setiap tugas yang dilaksanakan mengharapkan keredaan Allah SWT.

STRUKTUR ORGANISASI



AHLI LEMBAGA PENGARAH SESI 2023-2025



**YBHG. DATO' HAJI IBRAHIM
BIN HAJI MD. YUSOF**
D.S.I.S, S.S.A.
Pengerusi



**YBHG. DATO' HAJI MOHD MISRI
BIN HAJI IDRIS**
D.P.M.S, S.M.S, A.M.N, A.M.S, P.P.T.
Timbalan Pengerusi



**YDM TENGKU SERI PADUKA SHAH BANDAR
TENGKU DATO' ARDY ESFANDIARI
BIN TENGKU ABDUL HAMID SHAH ALHAJ**
AHLI DEWAN DIRAJA SELANGOR
D.S.I.S, S.I.S.
Ahli



**YAD DATO' SETIA PROF. MADYA
DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR**
S.S. DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR
S.S.I.S, D.P.M.S.
Ahli



**YBHG. DATO' DR. YUSRI
BIN ZAKARIAH**
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
D.S.I.S, S.M.S.
Ahli



**YBHG. DATO' MOHAMAD DAUD
BIN HAJI DOL MOIN**
D.P.T.J.
Ahli



**YBHG. DATO' HAJI ABDUL WAHAB
BIN ABU BAKAR**
D.S.P.N.
Ahli



YBRS. TUAN ROSLI BIN ISMAIL
A.M.S, P.J.K.
Ahli



**YBRS. PUAN HAJAH
NURHANI SALWA BINTI JAMALUDDIN**
TIMBALAN SETIAUSAHA (DASAR & PENGURUSAN) MAIS
A.I.S.
Ahli

AHLI JAWATANKUASA TETAP SESI 2023-2025

JAWATANKUASA TETAP KOMUNIKASI KORPORAT

PENGERUSI

YBhg. Dato' Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar

AHLI

YBrs. Tuan Roslan bin Abd Razak

YBrs. Tuan Othman bin Mohamed

YBrs. Tuan Noraidi Bakhtiar bin Nordin

JAWATANKUASA TETAP PENILAIAN DAN PENDAFTARAN WAKAF

PENGERUSI

YBrs. Puan Hajah Nurhani Salwa binti Jamaluddin

AHLI

YAD Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir

YBhg. Dato' Dr. Yusri bin Zakariah

YBhg. Dr. Ridzwan bin Bakar

JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN HARTANAH DAN EKONOMI

PENGERUSI

YBrs. Tuan Rosli bin Ismail

AHLI

YBrs. Tuan Ir. Nik Soh bin Nik Mat

YBrs. Tuan Ar. Mohd Nor bin Abdullah

YBrs. Tuan Haji Shah Ruddin bin Haji Abd Hamid

JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN DAN PELABURAN

PENGERUSI

YBhg. Dato' Mohamad Daud bin Haji Dol Moin

AHLI

YBhg. Dato' Hata bin Robani

YBrs. Tuan Sudirman bin Masduki

YBrs. Tuan Haji Mohamed Izam bin Mohamed Yusof

JAWATANKUASA TETAP AUDIT, RISIKO DAN PEMATUHAN

PENGERUSI

YDM Tengku Seri Paduka Shah Bandar,
Tengku Dato' Ardy Esfandiari bin Tengku Abdul Hamid Shah Alhaj

AHLI

YBrs. Tuan Selamat bin Haji Sirat

YBrs. Tuan Zaharudin bin Salim

YBrs. Puan Sharbani binti Saad

***Menggerakkan wakaf berimpak tinggi demi manfaat yang berkekalan,
memperkuat nilai tambah strategik serta menyokong pembangunan mampan ummah.***





**SELAYANG
PANDANG
2024**



Tahun 2024 menjadi satu lagi lembaran penting dalam perjalanan PWS sebagai peneraju pengurusan wakaf di Negeri Selangor. Sepanjang tahun ini, PWS terus melangkah ke hadapan dengan penuh komitmen dan iltizam dalam memperkukuhkan ekosistem wakaf, sekaligus merealisasikan aspirasi pewakaf dan harapan ummah.


Melalui pelbagai inisiatif dan pelaksanaan strategik, PWS telah mencapai perkembangan yang besar dalam pengurusan hartanah wakaf, kutipan dan agihan tunai wakaf, sumbangan Fisabilillah, serta pembangunan projek-projek berimpak tinggi.

Setiap pencapaian ini adalah manifestasi kepada kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf sebagai pemangkin kemajuan sosioekonomi ummah di Negeri Selangor.

PENDAFTARAN HARTANAH

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 133 hartanah wakaf telah berjaya didaftarkan atas nama MAIS [Wakaf], melibatkan keluasan 86.98 ekar. Dengan pertambahan ini, jumlah keseluruhan hartanah wakaf yang telah didaftarkan sejak awal penubuhan PWS kini berjumlah 1,731 pendaftaran dengan keluasan keseluruhan 1,858.67 ekar. Berdasarkan anggaran semasa, nilai keseluruhan hartanah wakaf ini telah mencecah RM1.58 bilion, menggambarkan potensi besar yang dimiliki oleh institusi wakaf dalam memperkukuh pembangunan sosioekonomi ummah di Negeri Selangor.

Hartanah wakaf yang telah didaftarkan atas nama MAIS [Wakaf] pada tahun 2024 seperti berikut:



JUMLAH KESELURUHAN BAGI TAHUN 2024

133 Pendaftaran


86.98 Ekar

SEWAAN HARTANAH

Kutipan sewaan hartanah wakaf yang berjaya dikutip sepanjang tahun 2024 berjumlah RM2.102 juta. Kutipan ini merangkumi hasil daripada 32 unit bazar dengan jumlah sebanyak RM0.175 juta, 74 unit premis berjumlah RM0.685 juta, serta 69 lot tanah yang menyumbang kepada kutipan sebanyak RM1.242 juta.

Hasil kutipan sewaan ini telah diuruskan dan diagihkan oleh PWS secara berkala dan sistematik melalui tiga pecahan utama. Pecahan pertama melibatkan penyaluran kepada penerima manfaat wakaf, yang terdiri daripada Masjid, Surau, Musolla, Maahad Tahfiz, Sekolah Rendah Agama, Madrasah, Pusat Pengurusan Anak Yatim, Baitulmal MAIS, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), dan PWS sendiri. Sebanyak RM1.167 juta telah berjaya disalurkan kepada penerima-penerima manfaat ini sepanjang tahun 2024, mengikut niat asal pewakaf.

Pecahan kedua melibatkan penyaluran untuk yuran pengurusan, yang digunakan bagi memastikan pentadbiran hasil wakaf dilaksanakan secara cekap, sistematik dan berintegriti. Manakala pecahan ketiga diperuntukkan untuk kos penyelenggaraan dan perbelanjaan hartanah wakaf, termasuk kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan pemeliharaan aset wakaf agar kekal terpelihara serta mampu memberi manfaat secara berterusan kepada masyarakat.



SEWAAN HARTANAH

Gambar-gambar sewaan hartanah di bawah seliaan PWS:



Pencawang telco



Premis Perniagaan



Tanah (tanaman sawit)



Tanah (parkir kenderaan logistik)



Tanah (tanaman nenas)



Tanah (tanaman rock melon)

PEMBANGUNAN HARTANAH

PEMBANGUNAN STESEN MINYAK BERSERTA RESTORAN MAKANAN SEGERA DUA TINGKAT DI ATAS TANAH WAKAF

PWS kini sedang melaksanakan projek pembangunan hartanah berupa pembinaan sebuah stesen minyak berserta restoran makanan segera dua tingkat di atas tanah wakaf milik MAIS di Lot PT 69581 HSM 28476 Mukim Dengkil Daerah Sepang. Stesen Petron Sungai Merab ini adalah berkonsepkan *Dealer-Owned Dealer-Operated* (DODO).


Pengurusan dan perniagaan Stesen Minyak Sungai Merab ini diuruskan oleh WS Energy 1 Sdn. Bhd. (WSE1), anak syarikat milik penuh PWS yang ditubuhkan khusus bagi menguruskan projek-projek pembangunan wakaf berimpak tinggi. Stesen minyak ini dijangka mula beroperasi pada Disember tahun 2025 dan bakal menjadi satu lagi hasil wakaf yang dapat memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat di Negeri Selangor.




KUTIPAN TUNAI WAKAF

Sepanjang tahun 2024, PWS telah berjaya merekodkan jumlah Kutipan Tunai Wakaf sebanyak **RM61.683 juta**.

Pencapaian ini bukan sekadar angka, tetapi mencerminkan kepercayaan mendalam masyarakat terhadap institusi wakaf sebagai instrumen ibadah yang berperanan penting dalam memacu pembangunan sosioekonomi ummah. Kutipan ini merangkumi tiga kategori utama, dengan pecahan seperti berikut:




PRESTASI WAKAF TUNAI MENGIKUT SALURAN



AGIHAN TUNAI WAKAF

Pada tahun yang sama, sejumlah **RM45.821 juta** telah berjaya diagihkan melalui Agihan Tunai Wakaf.

Agihan ini dilaksanakan secara berstruktur, telus dan strategik mengikut kategori serta tujuan yang telah ditetapkan bagi memastikan setiap manfaat sampai kepada golongan sasaran. Pecahan agihan tersebut adalah seperti berikut:



JUMLAH KESELURUHAN BAGI TAHUN 2024

RM45.821 juta

PROGRAM KESEDARAN WAKAF



MASJID/SURAU

157



MEDIA DIGITAL

82

- > Siri Celik Wakaf
- > Video Tiktok



SIARAN AKHBAR

19



LAWATAN KORPORAT

40

- > Bank
- > Syarikat Korporat
- > MAIN/GLC
- > Institusi Pendidikan



RADIO

12

- > Nasional FM
- > SelangorFM
- > Ikim.fm



PENERANGAN WAKAF

98

- > Kerajaan/Swasta
- > Sekolah
- > Orang perseorangan



TELEVISYEN

15

- > TV Alhijrah
- > TV3
- > Selangor TV



PAPAN IKLAN WAKAF

2

- > Bangunan Sultan Idris Shah
- > Bulatan Kayangan, Shah Alam

SUMBANGAN FISABILILLAH

Tahun 2024 menyaksikan kesinambungan usaha PWS dalam memperkasa peranan wakaf sebagai pemacu pembangunan dan kesejahteraan ummah. Sepanjang tempoh ini, Mesyuarat Jawatankuasa Agihan Fisabilillah telah bersidang sebanyak tiga kali dan meluluskan agihan dana wakaf fisabilillah berjumlah **RM2.4 juta** kepada **76 institusi** penerima.

Dana yang diagihkan digunakan bagi tujuan membaik pulih infrastruktur dan melengkapkan kemudahan bangunan yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat. Keutamaan diberikan kepada sektor keagamaan, pendidikan, kesihatan dan sosial, sejajar dengan aspirasi wakaf untuk memperkukuh kemudahan awam dan mempertingkatkan kualiti hidup ummah.

Di sebalik angka yang terhasil, tersirat nilai keberkatan dan sumbangan berterusan yang akan terus mengalir memberi manfaat kepada generasi hari ini dan akan datang.

	Jumlah Sumbangan
MASJID	11
SURAU	10
INSTITUSI PENDIDIKAN	46
INSTITUSI SOSIAL	7
INSTITUSI KESIHATAN	2
Jumlah Keseluruhan	76

Untuk senarai penuh penerima sumbangan, rujuk **halaman 33**.

PROJEK WAKAF KHAS

Antara sebahagian projek wakaf khas yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:



Masjid Raja Bendahara Tengku Badar Shah, Denai Alam, Shah Alam

Pembinaan Baharu

RM25,748,243



Masjid Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh

Pembinaan Baharu

RM9,697,900



Masjid Jamek Cina Muslim, Klang

Pembinaan Baharu

RM19,343,365



Masjid Prima Saujana, Kajang

Pembinaan Baharu

RM13,300,658



Masjid Al-I'tisam, TTDI Jaya, Shah Alam

Naik Taraf


RM17,487,984



Masjid Nurul Hasanah, Kg. Bukit Belimbing, Kuala Selangor

Naik Taraf

RM936,000



Masjid Bukit Antarabangsa, Ampang

Ubahsuai

RM110,000



Surau Riyadhus Solihin, Taman Bangi Avenue, Kajang

Pembinaan Baharu

RM 2,150,000



Surau Al-Muqarrabin, Alam Suria, Puncak Alam

Pembinaan Baharu

RM1,913,876



Surau Al-Jannah, Bandar Rimbayu, Kuala Langat

Pembinaan Baharu

RM1,662,084



Surau An-Nur, Bandar Bukit Raja, Klang

Pembinaan Baharu

RM1,719,385



Surau Muzir, Jalan Haji Damansor, Jenjarom

Pembinaan Semula

RM818,025



Surau Al-Khuzuibah, Taman Bunga Raya, Bandar Baru Salak Tinggi

Pembinaan Baharu

RM761,141



Surau Al-Wardah, Taman Mawar, Sepang

Ubah Suai

RM186,902



Surau Sek. Keb. Seksyen 19, Shah Alam

Naik Taraf

RM153,930

PENERIMA-PENERIMA SUMBANGAN FISABILILLAH

MASJID (11)	RM
Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Manggis, Kuala Langat	30,000
Masjid Ar-Rahman, Kampung Raja Musa, Kuala Selangor	50,000
Masjid Al-Umm, Bandar Baru Bangi	50,000
Masjid Kampung Batu Tiong, Dungun, Terengganu	20,000
Masjid Kampung Rantau Panjang, Dungun, Terengganu	20,000
Masjid Al-Ahmadi, Tumpat, Kelantan	20,000
Masjid As-Solihin, Tumpat, Kelantan	20,000
Masjid At-Taqwa, Kampung Sungai Yu, Tanjong Karang	50,000
Masjid Jamek Fastabiqul Khayrat, Shah Alam	30,000
Masjid Kiyai Mukri, Sawah Sempadan, Tanjong Karang	50,000
Masjid Sultan Abdul Aziz, Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah, Klang	20,000
Jumlah	360,000

SURAU (10)	RM
Surau Al-Hijrah, Bandar Seri Putra, Bangi	50,000
Surau At-Taqwa, Telok Panglima Garang	46,000
Surau Al-Buhairah, Bandar Bukit Mahkota, Kajang	40,000
Surau An-Nur, Taman Mas, Sepang	45,000
Surau Al-Wardah, Bandar Baru Salak Tinggi	22,420
Surau Ar-Raudhah, Bandar Botanik, Klang	15,000
Surau Al-Ukhuwwah, Taman Puncak Saujana, Kajang	50,000
Surau Haji Yusof, Sungai Buloh, Kuala Selangor.	12,376
Surau Al-Husna, Taman Medan Baru, Petaling Jaya	35,000
Surau Al-Ikhwan, Sijangkang	20,000
Jumlah	335,796

INSTITUSI SOSIAL (7)	RM
Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR), Klang	50,000
Persatuan Kanser Selangor dan Wilayah Persekutuan (KanWork)	50,000
Asrama Kasih Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Serendah	7,000
Pusat Jagaan Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras, Sungai Buloh	22,000
Yayasan Anak-anak Yatim Wardatul Jannah, Kota Damansara	19,920
Media Selangor Sdn. Bhd.	6,500
Pertubuhan Kebajikan Ukhuwwah Anak Yatim/Miskin Sabak Bernam	30,000
Jumlah	185,420

INSTITUSI PENDIDIKAN (46)	RM
Sekolah Kebangsaan Parit Empat, Sekinchan	50,000.00
Sekolah Rendah Agama Kampung Perepat, Klang	50,000.00
SAM Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam	38,000.00
Sekolah Rendah Agama Subang Mewah, USJ 1, Subang Jaya	39,000.00
KAFA Integrasi Al-Hikmah, Subang Bestari, Shah Alam	45,000.00
KAFA Integrasi Kampung Batu 30, Ulu Yam Lama, Batang Kali	30,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak	45,000.00
Sekolah Rendah Agama Kampung Delek, Klang	43,000.00
Sekolah Rendah Agama Seri Cheeding, Kuala Langat	30,000.00
Sekolah Kebangsaan Kampung Kuantan, Batang Kali	6,270.00
Maahad Tahfiz Miftahul Ulum, Hulu Langat	50,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9, Shah Alam.	37,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 10, Kota Damansara	40,000.00
Sekolah Kebangsaan Sungai Serdang, Kapar, Klang	41,500.00
Sekolah Rendah Agama Seksyen 24, Shah Alam	35,000.00
Sekolah Rendah Agama Assam Jawa, Kuala Selangor	40,000.00
Sekolah Kebangsaan Bandar Baru, Jalan Melor, Kuala Selangor	35,000.00
SRAI Dato' Mufti Yusof Sahabuddin, Seksyen 7, Shah Alam	15,000.00
Sekolah Kebangsaan Seksyen 24, Shah Alam	20,000.00
Sekolah Rendah Agama Bukit Kapar Timur, Kapar	25,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil, Batu Satu, Dengkil	40,000.00
Sekolah Kebangsaan Taman Pantai Sepang Putra, Sungai Pelek, Sepang	30,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Sepang, Bandar Baru Salak Tinggi	40,000.00
Sekolah Kebangsaan KLIA, Taman Mawar, Sepang	30,000.00
Sekolah Kebangsaan Seri Fajar, Sungai Tengi Selatan, Hulu Selangor	20,000.00
Sekolah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu Dua, Kuala Kubu Bharu	30,000.00
Sekolah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Kg. Kuantan, Bestari Jaya	20,000.00
Sekolah Kebangsaan Bukit Kerayong, Kapar, Klang	17,000.00
Sekolah Kebangsaan Bukit Badong, Bestari Jaya	19,000.00
Sekolah Kebangsaan Telok Menegon, Klang	12,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam 3, Puncak Alam	5,000.00
Sekolah Rendah Agama Bukit Badong, Bestari Jaya	5,000.00
Sekolah Rendah Agama Harmoni, Taman Ria, Sekinchan	45,000.00
SAR Kafa Integrasi, Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang	30,000.00
Sekolah Kebangsaan Seksyen 20, Shah Alam	12,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Sijangkang Jaya, Telok Panglima Garang	50,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Selangor, Kuala Selangor	15,000.00
Sekolah Rendah Agama Integrasi Bandar Baru Kuala Selangor	40,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang	35,000.00

INSTITUSI PENDIDIKAN (46)	RM
Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Raja Zarina, Pelabuhan Klang	40,000
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing, Rawang	30,000
Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Gadong, Jalan Telok Pulai, Klang	16,000
Sekolah Rendah Agama Sungai Serdang, Kapar, Klang	10,000
KAFA Integrasi Al-Falah, Kota Puteri, Rawang	50,000
Maahad Imtiyaz Integrasi Ilmuan Ulul Albab, Banting	50,000
Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 7, Shah Alam	20,000
Jumlah	1,425,770

INSTITUSI KESIHATAN (2)	RM
Hospital Tanjong Karang	43,000
Hospital Selayang	50,000
Jumlah	93,000

JUMLAH KESELURUHAN : RM2,399,986

PENERIMA SUMBANGAN : 76 INSTITUSI



Apabila telah mati seorang manusia, maka terputuslah baginya pahala amalannya kecuali tiga perkara yaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya.

Hadis Riwayat Muslim (1631)



KERJASAMA STRATEGIK



Dengan tekad yang kukuh dan visi yang jelas, PWS terus mengorak langkah memperluas jaringan kerjasama strategik sebagai tonggak penting dalam memartabatkan wakaf sebagai instrumen pembangunan ummah yang berdaya saing dan berimpak tinggi. Setiap usaha kolaboratif yang dijalin bukan sekadar kerjasama di atas kertas, tetapi lahir daripada kesepakatan hati dan kepercayaan bersama bahawa wakaf adalah amanah agung yang harus diperkasa demi kemaslahatan umat.

Gabungan kekuatan ini menyatukan pelbagai pihak daripada sektor korporat, institusi kewangan, dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), membentuk gelombang sinergi yang membawa manfaat jangka panjang. Melalui platform seperti Sahabat Korporat, Wakaf Selangor Muamalat dan kerjasama strategik bersama IPT, PWS terus meletakkan asas kukuh ke arah membina ekosistem wakaf yang lestari.

Inilah langkah berani menuju cita-cita besar, agar wakaf bukan sahaja menjadi warisan, tetapi sumber kekuatan ummah yang sentiasa hidup, berkembang dan meninggalkan jejak keberkatan kepada generasi hari ini dan esok.

SAHABAT KORPORAT

Sepanjang tahun 2024, program Sahabat Korporat terus menjadi salah satu medium utama dalam memperkukuh penyertaan sektor korporat dalam pembangunan wakaf. Melalui inisiatif ini, PWS telah berjaya memperoleh sumbangan Wakaf Tunai Korporat berjumlah **RM188,001** hasil komitmen dan kesedaran tinggi daripada 11 buah syarikat dan agensi.

Sebagai galakan dan tanda penghargaan kepada syarikat yang menyertai program ini, PWS menyediakan kemudahan agihan semula sehingga 33% daripada jumlah wakaf yang disumbangkan, dengan nilai minima RM30,000. Kemudahan ini membolehkan syarikat mengagihkan sendiri dana tersebut kepada institusi pilihan mereka, tertakluk kepada syarat bahawa sumbangan itu digunakan untuk pembelian aset yang memberi manfaat jangka panjang melebihi lima (5) tahun.

Antara syarikat dan agensi yang menunjukkan komitmen berterusan dalam ibadah wakaf tunai korporat sepanjang 2024 adalah seperti berikut:



WAKAF SELANGOR MUAMALAT

Kerjasama strategik antara PWS dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) terus diperkukuh menerusi inisiatif Wakaf Selangor Muamalat (WSM). Inisiatif ini menjadi platform bersepadu dalam memperluas manfaat wakaf kepada masyarakat. Fokus pelaksanaan WSM tertumpu kepada tiga teras utama iaitu kesihatan, pendidikan dan pelaburan sebagai asas kukuh dalam membina masa depan ummah yang lebih sejahtera dan lestari.



Wakaf
Selangor Muamalat

Antara aktiviti WSM yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:



Review Klinik Pergajian Bergerak WSM.



Penyerahan sumbangan komputer riba bagi pelaksanaan PDPC Abad 21.



Penyerahan sumbangan lima buah mesin CTG (cardiotocography) kepada Hospital Selayang.



Majlis penyerahan sumbangan empat buah mesin hemodialisis kepada Medik Nur Rahmah, Bandar Baru Bangi.

KOLABORASI BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Wakaf Ilmu merupakan salah satu inisiatif utama dalam memperkukuh ekosistem pendidikan melalui instrumen wakaf. Inisiatif ini menjadi medan sinergi antara PWS dan IPT, dengan matlamat mengangkat martabat ilmu melalui amal jariah yang berterusan agar manfaatnya dapat terus mengalir kepada masyarakat dan generasi yang akan datang.

Sehingga kini, sebanyak sembilan buah IPT Awam dan Swasta telah menjalinkan kolaborasi strategik dengan PWS menerusi platform Wakaf Ilmu, iaitu:



KOLABORASI BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Konsep kerjasama Wakaf Ilmu ini digerakkan sebagai pemacu utama dalam memperkukuh pembangunan IPT secara holistik. Melalui inisiatif ini, PWS bersama IPT berganding bahu membina ekosistem pendidikan yang bukan sahaja unggul dari segi akademik, tetapi turut disuburkan dengan keberkatan amal jariah.

Sepanjang tahun 2024, pelbagai inisiatif strategik dan berimpak telah direalisasikan di bawah payung Wakaf Ilmu. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:



DAPUR MASJID UPM



MESIN PENAPIS AIR

Pemasangan 14 unit mesin penapis air di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Kolej-kolej Kediaman dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM.



**FREE FUEL@WAZAN
& JOM BERWAKAF RM1**

Program yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak (WAZAN) UPM dengan kerjasama KUPUTRA untuk pelajar dan staf UPM di seluruh Kampus Serdang.

KOLABORASI BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*National University
of Malaysia*



Sumbangan naik taraf ruang Oasis Minda@Sekolah Dalam Hospital, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM berjumlah RM50,000.



Yayasan Canselor UKM menganjurkan International Waqf Conference 2024 (IWC24) dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia dan JAWHAR pada 14-15 Mei 2024 bertempat di EQ Hotel, Kuala Lumpur.



Sumbangan Pembelian Van Mobiliti Warga OKU UKM berjumlah RM200,000. Van ini akan dimanfaatkan dan dikawal selia oleh Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU (UPS-OKU), Jabatan Pendaftaran UKM.



Sumbangan sebanyak RM30,000 menggunakan dana wakaf bagi pembelian Tirai Penghadang Ruang Solat Muslimah di Masjid UKM.

KOLABORASI BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



Projek naik taraf dan ubahsuai bagi Masjid Al-Irshad, Kampus Melaka pada tahun 2024.



PROGRAM WAKAF X SADAQA, FEPP & YAYASAN KUIS

Wakaf Ilmu UIS melalui Yayasan KUIS telah menyumbang 8 kaki payung dengan kos RM1,200 menggunakan manfaat wakaf. Sumbangan ini adalah untuk kegunaan pelajar di Taman Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan (FEPP) UIS.

KOLABORASI BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama Dana Wakaf Ilmu UNITEN dan lawatan ke ladang Saudagar Nanas Agrofarm, Sungai Merab, Kajang.




Majlis Serahan Al-Quran Wakaf Kepada MRSM Uiul Albab.



Mesyuarat Jawatankuasa Dana Wakaf Ilmu UITM.



Mesyuarat strategik di antara PWS dan IU KL.



“Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”

Surah Al-Baqarah: 261



IMBASAN PERISTIWA

IMBASAN PERISTIWA SEPANJANG TAHUN 2024



5 DISEMBER 2024

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan merasmikan Masjid Jamek Cina Muslim Klang. Masjid ini adalah satu-satunya masjid yang bercirikan seni bina Cina di Selangor. Kos pembinaan masjid ini sekitar RM30 juta dengan kos dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dan selebihnya melalui wakaf khas Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA).

DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, berkenan menyaksikan penyerahan cek cura sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada dua rumah anak yatim di bawah seliaan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR), Klang, menerima sumbangan berjumlah RM50,000 dan Pertubuhan Kebajikan Ukhuwah Anak Yatim/Miskin Sabak Bernam turut menerima sumbangan berjumlah RM30,000. Sumbangan tersebut bertujuan untuk kerja-kerja baik pulih fasiliti di kedua-dua rumah anak yatim berkenaan.



30 MAC 2024



10 MEI 2024

DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan melawat Saudagar Nanas Agrofarm, Kg. Sungai Merab, Kajang sempena Program Gagasan Rumpun Selangor Daerah Sepang. Saudagar Nanas Agrofarm dimiliki oleh Encik Mohd Noorhardy bin Mohd Noorzain yang merupakan agropreneur tanaman nanas diusahakan di atas tanah wakaf seluas 6.3 ekar. Tanaman nanas ini berpotensi untuk menjana pendapatan yang tinggi dan dapat memenuhi permintaan yang semakin tinggi.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS bersiaran secara langsung di Radio Nasional FM dalam slot ALFA 102 di Wisma Radio RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur.



PWS menghadiri perbincangan meja bulat bersama Bank Simpanan Nasional (BSN) bertempat di Wisma BSN, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



Kuliah Maghrib Khas bertajuk "Indahnya Berwakaf" yang berlangsung di Surau Al-Iman, Taman Dengkil Jaya, Dengkil. Kuliah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Hafizuddin bin Mohd Sharil, Penolong Eksekutif Korporat, PWS.



Kunjungan Hormat PWS ke atas YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor di Kediaman Rasmi Dato' Menteri Besar Selangor, Shah Alam.



PWS sumbang Wakaf Fisabilillah untuk dua buah masjid di Terengganu (Masjid Kg. Rantau Panjang dan Masjid Batu Tiong, Dungun) dan dua buah masjid di Kelantan (Masjid Mukim Teluk Renjuna dan Masjid As-Solihin, Mukim Bendang Pak Yong, Tumpat) dengan jumlah keseluruhan RM80,000 dalam rangka Misi Bantuan Pasca Banjir yang dikelolakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), agensi dan anak syarikat.



Pengerusi PWS adakan kunjungan hormat kepada Dato' Mohd Shahzihan Ahmad, SS Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.



PWS adakan kunjungan hormat ke Maahad Yayasan Negeri Pahang, Kuantan, Pahang.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS menyampaikan tazkirah bertajuk "Ibrah Isra' Mikraj' bertempat di Masjid Jamiul Muhsinin, Kg. Kundang, Banting.



Tazkirah Jumaat bertajuk "Indahnya Berwakaf" disampaikan oleh Ustaz Ibnu Hubain bin Abdul Aziz, Eksekutif Korporat PWS di Surau Al-Mustaqimah, Seksyen 7, Shah Alam.



PWS lancar Bulan Wakaf Peringkat Negeri Selangor yang dirasmikan oleh Pengerusi MAIS, YAD Tan Sri Dato' Seri Haji Abdul Aziz bin Haji Yusof bertempat di Dewan Orkid PKPS, Shah Alam.



PWS santuni Haji Hamzah Hassan di kediaman beliau di Hulu Kelang melalui program Ziarah Mahabbah bersama Pewakaf.



Delegasi PWS yang di ketuai oleh Pengerusi PWS adakan kunjungan hormat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



PWS telah dihadiri seorang hamba Allah yang sudi mewakafkan barang kemas di pejabat PWS hari ini.



PWS adakan Kunjungan Hormat ke Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) dan disambut mesra oleh YBrs Tuan Haji Saipolyazan bin M. Yusop, Ketua Pegawai Eksekutif MBI.



PWS dengan kerjasama Northport (M) Berhad telah mengadakan program Taklimat Wakaf kepada kakitangan bertempat di CBM Hall Northport (M) Berhad. Taklimat disampaikan oleh Tuan Haji Anuar Hamzah bin Tohar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS.



PWS buka reruai di Majlis Ilmu Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang diadakan di Dewan Banquet Wisma MBSA, Shah Alam.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Surau La Cottage, Taman Putra Perdana, Puchong bagi tujuan pembinaan surau tersebut.



Akhbar Sinar Harian pada pagi ini telah mengadakan sesi temuramah bersama Tuan Haji Anuar Hamzah bin Tohar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS di pejabat PWS.



PWS serah sumbangan Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Masjid Al-Umm, Bandar Baru Bangi bagi tujuan pemasangan karpet baharu di ruang solat utama.



6 MAC 2024

PWS menerima sumbangan wakaf khas berjumlah RM1,000,000 daripada Encik Fitri Md Aris bagi tujuan pembinaan Surau Al-Jannah, Seksyen 23, Shah Alam.



7 MAC 2024

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS bersiaran langsung dalam segmen Sinar Live sempena Bulan Wakaf Selangor bertempat di Studio Karangkrak, Seksyen 15, Shah Alam.



8 MAC 2024

PWS penuhi Majlis Ihya' Ramadhan JKR Negeri Selangor yang bertempat di Ibu Pejabat JKR Selangor, Seksyen 17, Shah Alam. Kuliah disampaikan oleh Ustaz Ibnu Hubain Abdul Aziz, Eksekutif Korporat PWS.



13 MAC 2024

Wakaf Selangor Mualamat (WSM) menyerahkan sumbangan Mesin CTG (Cardiotocography) dan *Central Monitoring* bernilai RM120,000 kepada Hospital Selayang.



14 MAC 2024

PWS anjur Kuliah khas bertajuk "Ramadhan dan Wakaf" bersama PU Hafiz Haneefa yang diadakan di Surau Al-Ikhwān, Bandar Baru Sungai Buloh.



15 MAC 2024

Pengerusi PWS, Dato' Haji Ibrahim bin Haji Md. Yusof terima sumbangan Wakaf Hartanah dari Yayasan Al-Muhammadiyah di Kg. Kuantan, Kuala Selangor.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM35,000 kepada Surau Pangsapuri Aranda, Kota Kemuning, Shah Alam bagi tujuan pemasangan karpet, alat siar raya dan dua buah penyaman udara.



PWS turun padang pantau kemajuan projek tapak wakaf khas pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah, Klang. Asrama ini kelak akan dikelolakan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM7,878.31 kepada Masjid Jamiul Ehsani, Sijangkang bagi tujuan menaik taraf ruang solat utama masjid tersebut.



Kempen “Mudahnya Berwakaf” dilancarkan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin Shari di Majlis Mahabbah Ramadhan Madani Dato’ Menteri Besar Selangor Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor Tahun 2024.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Surau An-Nur, Bukit Raja, Klang bagi tujuan pembinaan surau tersebut.



PWS serah sumbangan Fisabilillah berjumlah RM37,000 kepada Surau Al-Munawir, SMK Seksyen 9, Shah Alam bagi tujuan tambah baik fasiliti untuk kegunaan guru dan pelajar.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Surau Haji Yusoff, Jeram, Kuala Selangor sebanyak RM12,376 bagi tujuan baik pulih surau tersebut.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Surau Al-Hijrah, Bandar Seri Putra, Bangi sebanyak RM50,000 bagi tujuan baik pulih bumbung surau tersebut.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Surau Al-Ukhuwwah, Taman Puncak Saujana, Kajang bagi tujuan pembinaan menara azan.



PWS serah sumbangan Fisabilillah berjumlah RM37,000 kepada Masjid Ar-Rohman, Kg. Sg. Manggis, Banting bagi tujuan mengecat bangunan luar masjid.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Masjid Al Hidayah, Seksyen 18, Shah Alam berjumlah RM31,173 bagi tujuan baik pulih fasiliti masjid.



PWS membawakan PU Hafiz Haneefa dalam Tazkirah Ramadhan bertajuk “Ramadhan dan Wakaf” bertempat di Loji Rawatan Air (LRA) Air Selangor, Bukit Nanas, Kuala Lumpur.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Kafa Integrasi AI Hikmah, Subang Bestari berjumlah RM45,000 bagi tujuan pemasangan bumbung di dataran dan naik taraf kantin sekolah.



PWS berbesar hati menerima sumbangan Wakaf Tunai berjumlah RM60,000 daripada Puan Hajah Raja Zaharah binti Raja Sulaiman.



PWS bersama Bank Muamalat yang merupakan rakan sinergi dalam Wakaf Selangor Muamalat mengadakan *review* Klinik Pergigian Bergerak di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Surau At Taqwa, Telok Panglima Garang berjumlah RM40,000 bagi tujuan baik pulih bumbung dan pemasangan karpet baharu.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada SRA Taman Subang Mewah, Subang Jaya berjumlah RM39,000 bagi tujuan baik pulih dan naik taraf prasarana sekolah.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada SMK Seksyen 10, Kota Damansara berjumlah RM40,000 bagi tujuan naik taraf kelas PPKI, bilik kaunseling dan bilik ASK.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Sek. Keb. Parit Empat, Sekinchan bagi tujuan naik taraf surau sekolah.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Sek. Keb. Sungai Terap, Tanjong Karang bagi tujuan naik taraf surau sekolah.



PWS terima Kunjungan Hormat daripada Wakaf Pahang MUIP diketuai oleh Pengurus Besar Kanan, YBhg. Dato' Haji Halidan bin Md Daud.



Kuliah Maghrib disampaikan oleh Ustaz Muhammad Hafizuddin bin Mohd Sharil, Penolong Eksekutif Korporat PWS di Masjid Prima Saujana, Kajang.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Seksyen 11, Shah Alam berjumlah RM38,000 bagi tujuan pemasangan empat unit penyaman udara dan pembelian empat unit TV 55".



PWS serah Agihan Tabung Wakaf kepada Masjid An-Nur Temasya Glenmarie, Shah Alam berjumlah RM102,795.94 bagi tujuan membina dan menaik taraf masjid.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Masjid Ar-Rahman, Kg. Raja Musa, Kuala Selangor bagi tujuan pemasangan karpet baharu.



PWS serah Agihan Tabung Wakaf berjumlah RM133,699.79 kepada Masjid Bandar Tun Hussein Onn, Cheras bagi tujuan menaik taraf masjid.



Rombongan guru dan pelajar dari Sek. Men. Islam Integrasi Safinatun Najah, Seksyen 7, Shah Alam hadir ke pejabat PWS dan adakan Slot Sembang Santai bersama Tuan Haji Anuar Hamzah bin Tohar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM20,000 kepada Masjid Sultan Abdul Aziz, Pulau Indah, Klang bagi tujuan pembinaan tanjakan laluan OKU.



Pengerusi PWS, Dato' Haji Ibrahim bin Haji Md. Yusof terima kunjungan hormat daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) diketuai oleh Ketua Pengarahnya, Dato' Selamat bin Paigo.



PWS santuni Aiman Platinum Sdn. Bhd. yang merupakan Sahabat Korporat PWS sempena Program Ziarah Mahabbah.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM40,000 kepada SRA Putra Perdana, Puchong bagi tujuan menaik taraf fasiliti dan baik pulih pagar.



PWS mengadakan taklimat Wakaf Khas di Sek. Keb, Telok Gadong, Klang kepada ibu bapa dan guru-guru sempena Mesyuarat Agung PIBG sekolah berkenaan.



PWS serah Agihan Tabung Wakaf kepada Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Kuala Selangor berjumlah RM20,530 bagi tujuan menaik taraf pendawaian elektrik dan pemasangan penyaman udara.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah SRA Kampung Jawa, Klang berjumlah RM45,000 bagi tujuan menaik taraf ruang bilik darjah dan bumbung pentas perhimpunan.



PWS terima kunjungan hormat daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Delegasi MAINJ diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, YBhg. Tuan Haji Nasri bin Md. Ali.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Kafa Integrasi AI Hidayah, Kelana Jaya berjumlah RM50,000 bagi tujuan naik taraf pejabat dan pembelian set siar raya sekolah.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM6,270 kepada Sek. Keb. Kg. Kuantan, Batang Kali bagi tujuan pembelian dan pemasangan *smartboard* digital.



PWS menyertai Kejohanan Boling anjuran Media Selangor di Alam Lanes, AEON Shah Alam bersempena dengan ulang tahun ke-15 penubuhan Media Selangor.



PWS serah Agihan Tabung Wakaf kepada Masjid Jamek Ar-Rahmaniah, Klang berjumlah RM25,365 bagi tujuan menaik taraf sistem pembesar suara masjid.



PWS adakan Kunjungan Hormat ke Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), Bangi. Delegasi PWS disambut oleh Naib Canselor UIS, Dato' Prof. Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah.



PWS bersama delegasi dari JAWHAR dan Agensi-agensi Agama Negeri melawat tapak projek-projek wakaf di Selangor. Antara yang dilawati adalah pembinaan Masjid Jamek Cina Muslim Klang, projek Tanaman Rock Melon di Meru, dan pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah, Klang.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Surau An-Nur, Taman Mas, Sepang berjumlah RM45,000 bagi tujuan pembinaan pejabat pentadbiran surau.



9 JULAI 2024

PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM40,000 kepada SRA Assam Jawa, Kuala Selangor bagi tujuan baik pulih surau sekolah.



12 JULAI 2024

Tazkirah Jumaat “Kepentingan Berwakaf” diteruskan lagi di Masjid Al-Istiqamah, Kg. Sri Langkas, Puchong bersama Ustaz Suffian Assauri bin Omar, Penolong Eksekutif Korporat PWS.



14 JULAI 2024

PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM40,000 kepada Surau Darul Aminin, Banting bagi tujuan pemasangan karpet baharu dan baik pulih bumbung.



14 JULAI 2024

Kuliah Subuh “Indahnya Berwakaf” di Surau Haji Omar, Jalan Genting, Klang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Hafizuddin bin Mohd Sharil, Penolong Eksekutif Korporat PWS.



14 JULAI 2024

Majlis Bacaan Doa Selamat sempena memulakan gerak kerja pembinaan stesen minyak di atas tanah wakaf yang terletak di Sungai Merab, Kajang.



17 JULAI 2024

PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Masjid At-Taqwa, Kg. Sungai Yu, Tanjung Karang berjumlah RM50,000 bagi tujuan pembinaan ruang solat tambahan.



PWS sumbang Wakaf Fisabilillah berjumlah RM12,000 kepada Sek. Keb. Telok Menegon, Klang bagi tujuan pemasangan penyaman udara, karpet dan swing door.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM45,000 kepada SRA Harmoni, Taman Ria, Sekinchan bagi tujuan baik pulih dan naik taraf bangunan.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM22,420 kepada Surau Al-Wardah, Taman Mawar, Bandar Baru Salak Tinggi bagi tujuan pemasangan karpet baharu.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM30,000 kepada SRA Seri Cheeding, Kuala Langat bagi tujuan pendawaian elektrik dan pemasangan lima unit penyaman udara di surau sekolah.



PWS serah Agihan Tabung Wakaf kepada Masjid Bandar Baru Sungai Buloh berjumlah RM28,101.80 bagi tujuan naik taraf dan baik pulih tandas muslimat.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Sek. Keb. Seri Fajar, Sungai Tengi Selatan berjumlah RM20,000 bagi tujuan pembinaan laluan berbumbung.



PWS telah menyerahkan Agihan Tabung Wakaf berjumlah RM58,515.50 kepada Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya bagi tujuan pembelian mesin pencuci lantai dan mesin angkat.



PWS sertai Larian Merdeka anjuran MAIS yang berlangsung di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada KAFA Integrasi Bandar Sultan Sulaiman berjumlah RM30,000 bagi tujuan memasang tingkap swing aluminium di sekolah.



Tazkirah Jumaat di Masjid Baitul Amin, Taman Warisan, Puchong disampaikan oleh Ustaz Muhammad Hafizuddin bin Mohd Sharil, Penolong Eksekutif Korporat PWS.



PWS dijemput membuka reruai sempena Forum Perdana Ehwat Islam anjuran Lembaga Zakat Selangor yang disiarkan secara langsung di TV1. Majlis berlangsung di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor, Seksyen 7, Shah Alam.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada SMK Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang berjumlah RM30,000 bagi tujuan baik pulih surau sekolah.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM35,000 kepada Surau Al-Husna, Taman Medan Baru, Petaling Jaya bagi tujuan pembelian van jenazah (dana tambahan).



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong bagi tujuan baik pulih tembok dan naik taraf tempat wudhuk lelaki.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Sek. Keb. Tmn. Pantai Sepang Putra, Sg. Pelek, Sepang berjumlah RM30,000 bagi tujuan baik pulih kantin sekolah.



PWS serah Agihan Tabung Wakaf berjumlah RM28,580 kepada Masjid Al-Ikhlash, Seksyen 13, Shah Alam bagi tujuan pembelian meja dan kerusi untuk program/aktiviti masjid.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Masjid Kiyai Mukri, Sawah Sempadan, Tanjong Karang berjumlah RM50,000 bagi tujuan pembelian van jenazah.



PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras, Sungai Buloh bagi tujuan pemasangan atap metal deck (2,520kps).



PWS telah menyerahkan Agihan Tabung Wakaf berjumlah RM3,447.51 dan Sumbangan Fisabilillah berjumlah RM30,000 kepada Masjid Fastabiqul Khairat, Batu 3, Shah Alam bagi tujuan naik taraf fasiliti masjid.



Tuan Haji Anuar Hamzah bin Tohar telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PWS yang baharu berkuatkuasa 1 Oktober 2024. Beliau sebelum ini menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif.



PWS adakan Kunjungan Hormat ke Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Delegasi PWS diketuai oleh Pengerusi PWS, Dato' Haji Ibrahim bin Md. Yusof disambut mesra oleh Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk di Ipoh, Perak.



Delegasi PWS seterusnya meneruskan Kunjungan Hormat ke Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPP). Delegasi PWS yang diketuai Pengerusi PWS, Dato' Haji Ibrahim bin Md. Yusof disambut oleh Tuan Abdul Mohsein bin Mohd Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif WPP bertempat di George Town, Pulau Pinang.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada Surau Ehsaniah, Kg. Melayu Subang, Shah Alam bagi tujuan menaik taraf bumbung dan ruang solat surau.



PWS telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM43,000 kepada Hospital Tanjong Karang bagi tujuan pembelian satu unit mesin hemodialisis.



11 NOVEMBER 2024

PWS adakan kunjungan hormat ke ibu pejabat Tabung Haji, Kuala Lumpur diketuai oleh Pengerusi PWS, Dato' Haji Ibrahim bin Md. Yusof dan disambut oleh Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji.



14 NOVEMBER 2024

PWS telah bersiaran secara langsung bersama Ustaz Suffian Assauri bin Omar, Penolong Eksekutif Korporat PWS di radio Selangor FM dalam segmen "Jom Ambil Tahu" di Wisma Radio, Angkasapuri, Kuala Lumpur.



15 NOVEMBER 2024

Delegasi PWS laksanakan lawatan tapak projek stesen minyak di atas tanah wakaf di Sungai Merab, Kajang. Kemajuan projek sehingga kini telah mencapai 70%.



23 NOVEMBER 2024

PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada SRA Kg. Delek, Klang berjumlah RM43,000 bagi tujuan baik pulih dan naik taraf fasiliti sekolah.



26 NOVEMBER 2024

PWS serah sumbangan Wakaf Fisabilillah kepada SK Seksyen 20, Shah Alam berjumlah RM12,000 bagi tujuan penyelenggaraan dan pendawaian semula elektrik di kelas PPKI.



28 NOVEMBER 2024

PWS adakan Majlis Sanjungan Budi Ejen Penerangan dan Kutipan Wakaf Tunai bertempat di Wyndham Acmar, Klang sempena menghargai jasa dan penat lelah ejen penerangan dan kutipan wakaf yang dilantik oleh PWS dalam memberikan kefahaman, kesedaran serta hikmah dan fadhilat berwakaf kepada orang ramai.



29 NOVEMBER 2024

PWS adakan Kunjungan Mahabbah ke ibu pejabat Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Shah Alam. Delegasi PWS disambut oleh Encik Muhd Fikri Naim bin Harun, Ketua Divisyen Kutipan LZS.



9 DISEMBER 2024

PWS menerima kunjungan hormat daripada AI-Baghdadi Group Sdn. Bhd. diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Muhammad Farhan bin Alias.



11 DISEMBER 2024

PWS telah menyerahkan Agihan Tabung Wakaf berjumlah RM21,514.10 kepada Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang bagi tujuan naik taraf fasiliti masjid.



12 DISEMBER 2024

PWS telah menyerahkan Agihan Tabung Wakaf berjumlah RM22,800 kepada Surau Darul Ikram, Kanchong Darat, Banting bagi tujuan naik taraf bumbung surau.



15 DISEMBER 2024

PWS turut serta dalam Misi Bantuan Pasca Banjir di Kelantan. Misi selama tiga hari ini dimulakan dengan majlis pelepasan yang dirasmikan oleh Pengerusi MAIS di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam.



30 DISEMBER 2024

Majlis *Meet & Greet* Media Bersama Ketua Pegawai Eksekutif PWS telah berlangsung dengan jayanya di Restoran Uncle K, SACC Mall, Shah Alam.

***Memperkasa ummah
melalui manfaat wakaf yang berterusan.***





**RINGKASAN
PENYATA
KEWANGAN
2024**

RINGKASAN KUTIPAN DAN AGIHAN KUMPULAN WANG WAKAF PWS 2024

KUMPULAN WANG WAKAF

KUTIPAN	RM61.683 JUTA
AGIHAN	RM45.821 JUTA

Penyata Kumpulan Wang Wakaf terdiri daripada **Wakaf Tunai, Wakaf Khas dan Manfaat Wakaf**. Wakaf Tunai dan Manfaat Wakaf direkodkan sebagai pendapatan, manakala Wakaf Khas direkodkan sebagai liabiliti.

**PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS), MAIS
KUMPULAN WANG WAKAF**

[Ditubuhkan Di Bawah Seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003]

MAKLUMAT KORPORAT

Pengerusi : Dato' Ibrahim bin Md Yusof

Timbalan Pengerusi : Dato' Mohd Misri bin Idris

Ahli Lembaga Pengarah : Dato' Ibrahim bin Md Yusof
Dato' Mohd Misri bin Idris
Tengku Dato' Ardy Esfandiari bin Tengku Abdul Hamid Shah Alhaj
Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir
Dato' Abdul Wahab bin Abu Bakar
Dato' Mohamad Daud bin Dol Moin
Dato' Dr. Yusri bin Zakariah
Tuan Rosli bin Ismail
Puan Nurhani Salwa binti Jamaluddin

Alamat Perniagaan : Tingkat 10, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.


**PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS), MAIS
KUMPULAN WANG WAKAF**

[Ditubuhkan Di Bawah Seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003]

**PENYATA
PENGERUSI DAN TIMBALAN PENGERUSI**

Bahawa kami, **DATO' IBRAHIM BIN MD YUSOF** dan **DATO' MOHD MISRI BIN IDRIS** yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, **PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS), MAIS** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf Perbadanan Wakaf Selangor yang terdiri daripada Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah dan Penyata Aliran Tunai serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia supaya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Wakaf **PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS), MAIS** pada 31 Disember 2024 dan juga keputusan operasi serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Lembaga Pengarah


DATO' IBRAHIM BIN MD YUSOF
Pengerusi


DATO' MOHD MISRI BIN IDRIS
Timbalan Pengerusi

Shah Alam, Malaysia

Tarikh: 13 MAR 2025


**PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS), MAIS
KUMPULAN WANG WAKAF**

[Ditubuhkan Di Bawah Seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003]

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **ANUAR HAMZAH BIN TOHAR**, pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kumpulan Wang Wakaf **PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS), MAIS** dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah serta Penyata Aliran Tunai adalah pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan membuat pengisytiharan ini dengan kepercayaan sesungguhnya ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama
di atas **ANUAR HAMZAH BIN TOHAR** di Shah Alam
dalam Selangor pada **13 MAR 2025**



Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Shah Alam, Selangor



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024


	2024 RM	Amaun dinyatakan semula 2023 RM
ASET		
ASET SEMASA		
Tunai dan Keserataan Tunai		
Baki Tunai dan Bank		
Akaun Wakaf Tunai/Am	8,672,908	7,647,055
Manfaat Wakaf	631,955	323,934
Wakaf Khas	22,254,570	25,695,604
Pelaburan Mudharabah	192,910,000	174,460,000
Belum Terima	527,874	829,070
Pembiayaan Kepada Pihak Berkaitan	15,314,093	15,314,093
JUMLAH ASET SEMASA	<u>240,311,400</u>	<u>224,269,756</u>
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, Loji dan Peralatan	175,978,621	168,278,540
Hartanah Pelaburan	49,996,773	49,528,344
Aset Tidak Ketara	80,624	29,301
Kerja Dalam Kemajuan	2,208,504	217,404
JUMLAH BUKAN SEMASA	<u>228,264,522</u>	<u>218,053,589</u>
JUMLAH ASET	<u>468,575,922</u>	<u>442,323,345</u>
LIABILITI		
LIABILITI SEMASA		
Belum Bayar dan Akruan	10,852,348	8,754,005
Wang Cagaran, Deposit dan Pendahuluan	795,514	718,265
Wakaf Khas	141,226,742	132,374,806
Istibdal Wakaf	2,386,706	2,677,724
JUMLAH LIABILITI SEMASA	<u>155,261,310</u>	<u>144,524,800</u>
ASET BERSIH	<u>313,314,612</u>	<u>297,798,545</u>
DANA AMANAH:		
DANA TERHAD		
Kumpulan Wang Wakaf	310,254,248	294,771,593
Wang Wakaf Tunai/Am	3,060,364	3,026,952
Wang Manfaat Wakaf	<u>313,314,612</u>	<u>297,798,545</u>

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	2024 RM	Amaun dinyatakan semula 2023 RM
HASIL		
Wakaf Tunai*	11,402,921	11,480,535
Sewaan Hartanah Wakaf	2,101,660	2,317,980
	13,504,581	13,798,515
LAIN-LAIN HASIL WAKAF	1,020,072	659,635
Peningkatan Nilai Hartanah Pelaburan	463,000	2,049,887
Peningkatan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	9,065,000	10,441,591
	24,052,653	26,949,628
PERBELANJAAN		
Penyelenggaraan dan Pembaikan	224,070	158,448
Perkhidmatan Ikhtisas dan Honorarium	439,619	243,455
Sumbangan, Pemberian dan Bayaran Tetap	6,495,023	2,934,810
Perbelanjaan Lain	9,907	53
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	1,364,919	1,213,734
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	(5,429)	5,429
Pelunasan Aset Tidak Ketara	8,477	7,480
	8,536,586	4,563,409
LEBIHAN TAHUN SEMASA	15,516,067	22,386,219

*Jumlah kutipan ini tidak termasuk kutipan Wakaf Khas

KEMUDAHAN BERWAKAF

-  Kaunter Ibu Pejabat PWS
Tingkat 10, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor.
- Ejen Penerangan & Terimaan Sumbangan
(Ejen Penerangan Individu & Korporat)
(Layari www.wakafselangor.gov.my untuk
senarai ejen)

WAKAF SELANGOR ONLINE

- ◇ Portal FPX
(<https://fpx.wakafselangor.gov.my>)
- ◇ Portal User
(https://fpx.wakafselangor.gov.my/ewo_login.asp)

Maybank Islamic

- ◇ maybank2u.com
- ◇ Auto Debit

CIMB ISLAMIC

- ◇ CIMB Clicks
- ◇ Auto Debit

DIRECT DEBIT



<https://infaqpay.my/go/wakafselangor>




Kaunter Lembaga Zakat Selangor
di seluruh Selangor.

- Skim Infaq (Potongan Gaji)
Kakitangan Kerajaan Negeri,
Persekutuan, Badan Berkanun,
Anak-anak Syarikat dan Swasta.




DuitNow
QR
Imbas kod QR melalui aplikasi
perbankan / e-wallet anda



- Sumbangan melalui cek hendaklah atas
nama 'PERBADANAN WAKAF SELANGOR'.

- 121 buah Tabung Wakaf Tunai di
masjid, surau, institusi kerajaan dan
stesen minyak terpilih di seluruh
Selangor.



Tabung Wakaf Tunai
di Masjid Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah, Shah Alam.



Tabung Wakaf Tunai
di Majlis Bandaraya
Diraja Klang.



Tabung Wakaf Tunai
di stesen minyak Petron
Teluk Pulai, Klang.



Diterbitkan oleh:

PERBADANAN WAKAF SELANGOR

Tingkat 10, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

T: 03-5518 8001

www.wakafselangor.gov.my

